

08/09/1998

Ketua Pemuda enggan undur

KUALA LUMPUR, Isnin - Ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang didesak oleh sebahagian besar pemimpin pergerakan itu menyatakan pendiriannya ekoran pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengulangi kenyataannya sebelum ini.

Dalam kenyataan petang ini, Zahid berkata: "Saya ingin mengulangi pendirian Pemuda Umno seperti yang dipersetujui pada mesyuarat Pemuda Barisan Nasional (BN) pada 2 September lalu bahawa kita tetap berdiri teguh di belakang kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno.

Zahid berkata, beliau belum berhasrat meletakkan jawatan kerana tidak mempunyai sebab kukuh berbuat demikian.

"Jawatan itu dipilih pada Perhimpunan Perwakilan Agung Tahunan Pemuda Umno pada 9 Oktober 1996.

"Hanya perwakilan yang akan menentukan kedudukan saya yang dipilih secara demokratik," katanya.

Menurutnya, beliau asmat memahami dan menghargai pandangan kalangan kepimpinan Pemuda Umno jika mereka berasa keliru selama ini.

Mengenai kehadirannya di rumah Anwar, Zahid berkata ia adalah sebagai tanda simpati terhadap keluarga bekas Timbalan Perdana Menteri berkenaan.

"Ia tidak harus dilihat dari sudut lain kerana pendirian Pemuda sudah jelas seperti yang dicapai pada mesyuarat Pemuda BN itu," katanya.

(END)